

20 APRIL 2018

Curi harumanis demi air ketum

Curi harumanis demi air ketum

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

PADANG BESAR – Seorang pemuda ketagihan air ketum sanggup menceroboh sebuah ladang memelam harumanis sebelum mencuri empat biji buah tersebut dalam kejadian di Kampung Panggas Besar, Chuping di sini kelmarin.

Difahamkan, suspek mencuri kesemua empat biji harumanis yang belum masak itu untuk dijual kepada pihak ketiga dengan harga RM25 semata-mata untuk mendapatkan bekalan air ketum.

Bagaimanapun, kegiatan lelaki itu terbongkar selepas dia ditahan oleh pemilik kebun berusia 42 tahun sebelum diserahkan kepada pihak polis.

Ketua Polis Daerah Padang Besar, Pemangku Superintendan Muhamad Halim Yatim berkata, suspek berusia 20 tahun itu ditahan kira-kira pukul 7.45 malam kelmarin.

"Kejadian berlaku apabila suspek datang ke kebun mangsa dengan menunggang motosikal jenis Yamaha 125Z.

"Dalam masa yang sama, pemilik juga berada di ladang tersebut dan dia ternampak motosikal mangsa diletakkan berdekatan kawasan tersebut.

"Mangsa terlihat suspek sedang memetik harumanis miliknya sebelum bertindak menangkap dan menyerahkan lelaki itu kepada polis," katanya di sini semalam.

Jelas beliau, hasil siasatan awal mendapati lelaki itu mencuri memelam harumanis semata-mata untuk dijual kepada pihak ketiga dan hasilnya digunakan untuk membeli air ketum.



SUSPEK (tengah) dibawa ke Mahkamah Majistret Kangar semalam untuk mendapatkan perintah tahanan reman selama empat hari bagi membantu siasatan kes curi buah harumanis.



HARUMANIS menjadi ikon negeri Perlis dan merupakan antara buah tempatan yang mempunyai nilai yang tinggi.

"Empat biji harumanis yang dicuri suspek dianggarkan seberat hampir dua kilogram dan pemilik kebun itu mempunyai 150 pokok memelam harumanis yang telah ditanam sejak tiga tahun lalu.

"Kebun harumanis mangsa terletak di kawasan yang tidak berpagar, sunyi dan jauh dari penempatan penduduk kam-

pung," ujarnya.

Dalam pada itu, Muhamad Halim berkata, saringan ujian air kencing mendapati suspek negatif dadah.

Jelasnya, lelaki itu ditahan mengikut Seksyen 379 Kanun Keseksaan kerana mencuri.

"Kita telah mendapatkan perintah reman empat hari ke atas suspek di Mahkamah Majistret Kangar bagi membantu siasatan," katanya.

Untuk rekod, harga memelam harumanis boleh mencecah RM45 sekilogram menyebabkan pemilik ladang dan kebun memasang pagar, mengupah pengawal keselamatan selain meningkatkan tahap pencabayaan di kebun mereka bagi mengelak kecurian.

Kemuncak pengeluaran buah memelam harumanis dijangka pada awal Ramadan bulan depan.